

PM cadang bina jambatan Malaysia - Singapura
Astro Awani
8 April 2014

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan pembinaan jambatan persahabatan untuk menambah baik rangkaian jalan dan menjadi simbol persahabatan semakin berkembang Malaysia dan Singapura.

Cadangan itu adalah inisiatif jangka panjang yang membabitkan perbincangan meliputi pelbagai aspek serta kajian mendalam yang perlu dijalankan oleh kedua-dua negara.

Katanya pembinaan jambatan persahabatan itu mampu mempertingkatkan rangkaian jalan, memperbaiki persekitaran selain mewujudkan hubungan lebih kukuh antara Singapura dan Malaysia.

Najib berkata demikian pada sidang media pemukiman pemimpin Malaysia-Singapura yang berlangsung selama dua hari di Kuala Lumpur.

Sementara itu Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong berkata antara faktor yang perlu dikaji adalah kapasiti trafik dan tempoh masa pemprosesan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ).

Jelasnya, tumpuan yang perlu difokuskan adalah untuk memperbaiki aliran trafik di CIQ kerana aliran trafik mulai sesak seawal pagi.

Justeru pembinaan jambatan itu akan menjadi rangkaian perhubungan baru untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Seberang Tambak dan melancarkan perjalanan antara kedua-dua negara

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/pm-cadang-bina-jambatan-malaysia-singapura-33428?cp>